

BAB III

TINJAUAN UMUM TENTANG *TAFSIR AL-QUR'AN AL HAKIM*

KARYA SYEKH MUSTAFA ABDUL RAHMAN

A. Latar belakang Syekh Mustafa Abdul Rahman

1. Riwayat Hidup Syekh Mustafa Abdul Rahman

Syekh Mustafa Abdul Rahman atau nama panjangnya ialah Mustafa bin Abdul Rahman bin Mahmud bin Salleh. Beliau dilahirkan pada tahun 1918 di Gunung Semangol sebuah permukiman yang berdekatan dengan Ulu Sepetang dan Kampung Sera di daerah Kerian, Perak. Bapanya bernama Abdul Rahman bin Mahmud bin Salleh merupakan seorang yang berpendidikan di al-Azhar. Beliau juga merupakan pendiri pondok pesantren al-Rahmaniah di Gunung Semanggol yang sekarang dikenal sebagai nama Maahad Ihya' al-Syarif.

Ibunya bernama Mariam binti Andak, berketurunan Jawa yang berasal dari Kuala Kurau. Syekh Mustafa merupakan anak pertama daripada tujuh orang adik-beradik. Dalam kalangan penduduk kampung beliau sering dipanggil "*Pak Wa*". Pada tahun 1943 Syekh Mustafa Abdul Rahman melangsungkan pernikahannya ketika berusia 26 tahun dengan gadis pilihan keluarganya yaitu Rohiyah binti Yahya. Walau bagaimanapun, daripada pernikahan ini mereka tidak dikurniakan anak. Oleh karena

itu, mereka berdua mengambil dua orang anak untuk dijadikan anak angkat yaitu Farid bin Mustafa dan Nor Aisyah binti Mohd Zin.¹

Mustafa Abdul Rahman meninggal dunia di rumah pada tanggal 28 Oktober, 1968 bersamaan 6 Syaaban 1388 Hijriah ketika berumur 51 tahun. Beliau dikebumikan di Masjid al-Ramaniyah, Gunung Semanggol, Perak Darul Ridzuan.²

2. Pendidikan

Beliau telah mendapat pendidikan awal sejak dari rumah lagi oleh bapanya. Syekh Mustafa Abdul Rahman memulakan pendidikan awal di Sekolah Melayu Gunung Semanggol dari kelas darjah 1 hingga darjah 5. Setelah melalui persekolahannya di sekolah rendah, beliau meneruskan lagi di peringkat menengah di Madrasah Idrisiyah, Kuala Kangsar, Perak selama enam tahun. Di Madrasah Idrisiyah, beliau sempat berguru dengan Tuan Guru Haji Abdullah Fahim yang mahir dalam ilmu hadis, tafsir dan bahasa Arab.

Pada tahun 1934, beliau kemudian menyambung pelajaran di Ma'had Ihya' al-Syarif. Ma'had ini merupakan kesinambungan dari pondok pesantren al-Rahmaniah. Di ma'had tersebut beliau mempelajari tiga bidang ilmu. Ilmu teras tauhid, fikih, tasawuf, tafsir dan hadis. ilmu alat nahu, sarof dan balaghah. Ilmu pelengkap sejarah, mantik, matematika, geografi, bahasa inggeris, bahasa melayu, tatanegara, sejarah Islam, kaligrafi, bahasa Arab. Hasil dari pengajiannya beliau mampu bertutur dan menguasai bahasa Arab dan Inggeris dengan baik.

¹Mustafa Abdullah dan Abdul Manan, *Khazanah Tafsir di Nusantara ...* 103.

²Mustafa Abdul Rahman, *Hadis 40 Terjemah dan Syarahnya* (Selangor: Pustaka Fajar, 20022), 2.

Beliau kemudian mendapat tawaran ke al-Azhar. Walau bagaimanapun, beliau terpaksa menunda karena pada masa itu negara dilanda peperangan. Hasrat ini tidak dapat diteruskan lagi diakibatkan bapanya meninggal. Oleh karena itu, beliau membatalkan kepergian ke al-Azhar dan meneruskan pengajian di dalam negara saja dan menggalas tanggungjawab menjaga keluarga.³

3. Sumbangan

Pada tahun 1946 beliau bertugas sebagai guru di Ma'had Ihya' al-Syarif. Selain mengajar di ma'had, beliau juga turut memberikan kuliah agama di masjid dan surau-surau berdekatan. Ini dilakukan sewaktu beliau masih tinggal di Gunung Semanggol, Perak dan setelah berpindah ke Tanjung Tokong, Pulau Pinang.

Syekh Mustafa Abdul Rahman memberikan begitu besar sumbangan dalam kegiatan dakwah. Beliau banyak menekankan masyarakat supaya meninggalkan adat yang bertentangan dengan Islam seperti memasang lilin pada malam jumat, mencuri, sabung ayam, meminta di kuburan. Beliau juga menyatakan hukum mengenai perkara maksiat seperti berjudi, minum arak yang tatkala itu leluasa di kawasannya.⁴

Dalam bidang kepenulisan pula banyak karya-karya yang telah dihasilkan. Awal mula beliau menulis sejak masih mengajar di ma'had. Minatnya ini didorong oleh beberapa sebab. Antara sebab yang mendorong beliau menghasilkan banyak karya kepenulisan ialah kecenderungan, kesungguhan dan minat yang ada, tekanan

³Mustafa Abdullah dan Abdul Manan, *Khazanah Tafsir di Nusantara ...* 104.

⁴Mustafa Abdullah dan Abdul Manan, *Khazanah Tafsir di Nusantara...* 105.

hidup selepas kehilangan kerja apabila Ma 'had Ihya ' al-Syarif ditutup sementara serta semangat dan dukungan yang diberikan oleh sahabatnya yaitu Haji Yusuf Rawa untuk terus menghasilkan karya tulis yang mana pada masa itu, Haji Yusuf Rawa memiliki percetakan bernama Persama Press di Pulau Pinang. Karena itulah banyak karya-karya tulis Syekh Mustafa Abdul Rahman diterbitkan di sana.

4. Karya

Syekh Mustafa Abdul Rahman adalah seorang penulis yang produktif. Beliau banyak menghasilkan tulisan-tulisan untuk kegunaan pelajar sekolah agama di Tanah Melayu pada zamannya. Karya-karya Syekh Mustafa Abdul Rahman tidak hanya terbatas didalam satu bidang saja, bahkan merangkumi berbagai bidang keilmuan. Diantaranya, bidang tafsir, hadis, sejarah, akhlak, ekonomi, akidah, mantik dan kamus. Karya-karya beliau antaranya ialah:

Tafsir

1. Kitab *Tafsir Al-Quran Al-Hakim*, 1949

Hadis

1. Hadis 40: Terjemah dan Syarahnya, dari Kitab *al-Arba'in* oleh Imam al-Nawawi, 1964
2. Kitab terjemahan Bahasa Melayu *Mukhtasar Abi Jamrah*, 1968
3. Pedoman Hadis Junjungan Rasulullah, 1952
4. Sabda Utusan Ilahi, 1951
5. Pelajaran Hadis Nabawi, 1959

Sejarah

1. Ringkasan Sejarah Islam di Sepanyol, di Afrika, di Sham dan Semenanjung Arab, 1963
2. Ringkasan Sejarah *Khulafa al-Rashidin*, 1961
3. Ringkasan Sejarah Kerajaan Bani Umayyah, 1961
4. Sejarah Islam sebanyak Lima Jilid, 1961
5. Kebudayaan Islam, 1956
6. *Tarikh Zul al-Qarnain*, 1953
7. Pendoman Tarikh Junjungan Muhammad Rasulullah Saw 1952
8. Terjemahan Bahasa Melayu ringkasan *Nur al-Yaqin* Sejarah *Sayyid al-Mursalin*, 1964
9. Kisah antara Nabi Musa dengan Nabi Khidir, 1955

Akhlak

1. Akhlaq dan Kewajipan dalam Islam 1954
2. Al-Akhlak al-Fadilah, 1958
3. Falsafah Hidup Rasulullah, 1952
4. Bahagian Ilmu Adab, 1968
5. Sendi Pergaulan dalam Islam, 1952
6. Pedoman Budi, 1951
7. Pesan Ayah, 1952
8. Peribadi, 1951
9. Ilmu Jiwa dalam Islam, 1953

10. *Mahfuzat al-Jami Wa Tartib*, 1968

11. *Kepentingan pendidikan dan pengajaran Islam kini*, 1978

Akidah

1. *Terjemahan Bahasa Melayu Kitab Adab al-Dunya wa al-Din* oleh al-Mawardi, 1953
2. *Terjemahan Bahasa Melayu Kitab al-Jawahir al-Kalamiyah fi Idah al-Aqidah al-Islamiyyah*, 1972
3. *Pelajaran Agama Islam*, 1960
4. *Pengenalan Sembahyang*, Pusat Penyelidikan Islam, 1978
5. *Hayat al-Islam: Mengenal sifat-sifat Allah dan Rasulnya*, 1965

Kamus

1. *Kamus Tiga Bahasa, Malay, English, Arabic*, 1949

Mantik

1. *Perintis Ilmu Mantiq*, 1954

Ekonomi

1. *Sejarah Ilmu Ekonomi*, 1954

Tajwid

1. *Pelajaran Huruf al-Quran*, 1955⁵

Untuk karya tafsir beliau yang penulis perolehi cuma dua saja, dikarenakan keterbatasan mencari dan meminjam yaitu:

1. *Tafsir Al-Quran Al-Hakim Penggal 1*

⁵Mustafa Abdullah, Abdul Manan, *Khazanah Tafsir di Nusantara...* 106.

2. *Tafsir Al-Quran Al-Hakim Penggal 2*

B. Deskripsi *Tafsir Al-Qur'an Al-Hakim*

1. Sejarah dan Motivasi Penulisan *Tafsir Al-Qur'an Al-Hakim*

Karya *Tafsir Al-Qur'an Al-Hakim*, merupakan sebuah karya tafsir yang disusun oleh Syekh Mustafa Abdul Rahman bin Mahmud. Karya tafsir ini ditulis dalam 27 penggal, setiap penggal mewakili satu juz Al-Qur'an. Ia ditulis menggunakan tulisan jawi atau Arab Melayu dan bahasa yang digunakan amat mudah dipahami.

Kitab tafsir ini mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Tafsir ini selesai disiapkan sampai surah Thoha ayat 135. Usaha Syekh Mustafa Abdul Rahman untuk menafsirkan 30 juz Al-Qur'an tidak terwujud karena meninggal dunia. Gurunya yaitu, Haji Abdullah Fahim telah memberikan kata pengantar untuk *Tafsir Al-Qur'an Al-Hakim* ini,serta mengemukakan pengakuan dan pujian kepada pengarangnya dengan berkata:

“Sesungguhnya, saya telah dapati di dalam sepanjang perhatian saya bahawa tafsir yang tersebut adalah sangat munasabah lagi memuaskan olch karena susunan dan keterangannya pertengahan.”⁶

Dalam pendahuluan kitab tafsir ini, pengarang menjelaskan tentang kelebihan Al-Qur'an dan tafsir Al-Qur'an itu secara umum. Beliau memberikan gambaran secara umum berkaitan penerjemahan Al-Qur'an di dunia mengikuti bahasa masing-

⁶Mustafa Abdul Rahman, *Al-Quran Al-Hakim*, Penggal 2 (Perak: Syed Yamani), 01.

masing. Gambaran ini menunjukkan bahwa bangsa di dunia sudah mengetahui isi kandungan Al-Qur'an secara ilmiah. Kemudian menyatakan bahawa di Tanah Melayu, banyak orang yang tidak dapat mengetahui isi kandungan Al-Qur'an kerana tidak tersedianya tafsir yang ringkas dan mudah dipahami. Inilah faktor yang mendorong beliau untuk menghasilkan sebuah karya tafsir dengan berpedoman pada karya tafsir terdahulu dan yang semasa dengannya. Beliau menjelaskan tentang metodologi tafsir yang digunakan dalam pendahuluan karya ini dengan menyatakan:

“Dan untuk memudahkan para pembaca yang terhormat, maka sengaja diringkaskan kandungannya untuk diterangkan pada mula-mulanya makna ayat-ayat, kemudian diterangkan pula kesimpulan faham dan maksud yang terkandung di dalam ayat-ayat itu dengan cara yang sederhana, moga tuantuan pembaca akan dapat menerima tafsir ini dengan tangan terbuka.⁷”

Dalam tafsir ini, pengarang telah merujuk beberapa buah kitab tafsir bagi mengarang *Tafsir Al-Qur'an Al-Hakim* antaranya yaitu:

- a) *Tafsir al-Maraghi*
- b) *Tafsir al-Nasafi*
- c) *Tafsir Ibn Juzzay*
- d) *Tafsir al-Thabari*
- e) *Tafsir al-Jalalayn*
- f) *Tafsir al-Munir li Ma'alim al-Tanzil*
- g) *Tafsir al-Tantawi al-Jawhari Nayl al-Maram*
- h) *Tafsir Ruhul al-Ma'ani*

⁷Mustafa Abdul Rahman, *Al-Quran Al-Hakim*, Penggal 1 (Perak: Syed Yamani), 04.

i) *Tafsir al-Quran al-'Azim wa-al-Sab al-Mathani*

j) *Tafsir Jami li Ahkam Al-Quran*

k) *Tasir al-Razi*

l) *Ihya Ullum al-Din*⁸

2. Sistematika Penulisan

Dalam kitab ini, Syekh Mustafa Abdul Rahman coba menafsirkan seluruh ayat Al-Qur'an, dimulai dari al-Fatihah dan diakhiri dengan surah an-Nass. Cara seperti inilah sebelumnya telah ditempuh oleh ulama tafsir terdahulu.

Sebagai contoh, penulis memberikan sampel penulisan dari *Tafsir Al-Quran Al-Hakim*. Dapat dilihat pengarang memberikan sebuah judul yang diletakkan untuk surah al-Fatihah ayat 1 hingga 2, ialah "Menyebut nama Allah". Untuk ayat 3, 4 dan 5 dalam judul yang lain pembahasannya. Contoh:

1. Surah al-Fatihah

Surah al-Fatihah, turunnya di Makkah ayatnya sebanyak tujuh ayat:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (1) الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2) الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (3) إِيَّاكَ
 نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (4) إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (5) صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ (6) غَيْرِ
 الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (7)

Artinya: "Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang (1), Segala puji bagi Allah, Tuhan bagi semesta alam (2), Maha Pemurah lagi Maha Penyayang (3), Yang memerintah di Hari kemudia (4), Engkaulah yang kami sembah, dan Engkaulah kami meminta pertolongan

⁸Mustafa Abdullah dan Abdul Manan, *Khazanah Tafsir di Nusantara ...* 107.

(5), Tunjukilah kami jalan yang lurus (6), (yaitu) Jalan mereka yang telah Engkau beri anugerah keatas mereka, bukan jalan mereka yang dimurkai ke atas mereka dan bukan pula jalan mereka yang sesat.”

Keterangan:

1) Menyebut nama Allah

Umat Islam hendaklah menyebut nama Allah Azza wa Jalla dan mengingatnya pada awal setiap pekerjaan mereka yang baik supaya adalah pekerjaan mereka sentiasa di dalam perhatian dan peliharaannya. Orang Arab di zaman Jahiliah memulai pekerjaan mereka dengan menyebut nama Tuhan mereka yaitu latta dan uzza dan orang yang memandang tingginya kekuasaan bagi satu-satu kejadian seperti matahari, bintang, bulan, jin, dan manusia mereka itu memulai pekerjaan mereka dengan nama kejadian itu.

2) Pemurah dan penyayang

Allah adalah Tuhan bagi sekalian alam yang telah memberi berbagai nikmat dan melimpah bermacam-macam rahmat untuk kesenangan, kemakmuran dan kebahagiaan manusia. Maka segala nikmat dan rahmat kesenangan dan kebahagiaan itu wajiblah ditentukan kepada Allah bukan kepada manusia dan hendaklah ditunjukkan pujian kepada-Nya saja

3) Memerintah hari kemudian

Allah, tuhan yang menciptakan dan memerintah hari dunia dan dialah pula yang menjadikan dan memerintah hari akhirat yaitu hari yang dihukum dengan adil

dan siksa segala amal dan pekerjaan manusia yang telah dikerjakan di dalam dunia ini.

4) Beribadah dan meminta pertolongan kepadanya

Oleh karena Allah, tuhan yang menjadikan bermacam-macam kejadian dan mendatangkan berbagai-bagai sebab yang membawa kepada kemakmuran. Maka segala amal ibadah dan taat setia kita hendaklah kita hadapkan kepadanya saja. Dan juga segala pekerjaan kita hendaklah kita minta kejayaan daripadanya, karena pekerjaan yang telah dijalankan dengan usaha tenaga kita kalau tidaklah dengan pertolongan Allah yang menjadikan kita tentulah kita tidak berjaya pada akhirnya.

5) Meminta hidayah ke jalan yang lurus

Hendaklah kita sentiasa meminta hidayahnya yaitu pertunjuk ke jalan yang lurus yaitu jalan orang-orang yang mendapat nikmat. Mereka ini ialah nabi-nabi orang-orang yang benar dan orang-orang yang soleh. Dan ketika meminta jauhkan daripada jalan orang-orang yang dimurkai dan dibenci dan juga daripada jalan orang-orang yang sesat yang sentiasa di dalam kerugian dan tidak tetap pendiriannya di dalam hidup

Lalu beliau memberikan beberapa keterangan menurut pandangan ulama tafsir bahwa surah al-Fatihah mengandungi beberapa poin diantaranya ialah tauhid, yaitu di dalam ayat *Alhamdulillahillobbil alamin*. Ini kerana pujian itu tidak dilepaskan melainkan kepadanya oleh kerana segala nikmat tidak di datang melainkan daripadanya saja. Dan kepada adanya balasan baik dan mulia, jahat dan hina di akhirat ada pada ayat *Maliki yaumiddin*. Dan kepada jalan bahagia yaitu pada ayat

ihdinas sirotol Mustaqim. Dan kepada kisah dan pengkabaran orang-orang yang berjalan di atas jalan yang lurus ada pada ayat *sirotol lazi na annam taalaihim*. Dan pada perkataan *ghairil marghdu bialaihim Waladdolin* ini menunjukkan bahwa orang-orang yang tidak dikurnia nikmat itu terbagi pula kepada dua. Pertama ialah orang-orang yang keluar daripada cahaya kebenaran setelah mengetahui adanya kebenaran itu dan mengikut segala ajaran-ajaran palsu yang telah di persekutui daripada datuk nenek mereka. Kedua ialah orang-orang yang tidak mengetahui kebenaran sama sekali ataupun mengetahui akan kebenaran. Tetapi kebenaran itu tidak dapat menyelamatkan mereka karena ini mereka itu adalah di dalam keadaan meraba-raba di dalam hidup di dunia ini.⁹

Oleh kerana itu dapat kita lihat bagaimana cara si pengarang menyampaikan isi tafsiran beliau dengan memberikan penafsiran yang global dan mudah. Pengarang menyampaikan menurut pendapat beliau sesuai keilmuan. Ini memudahkan para pembaca untuk mengerti tanpa perlu penjelasan. Hal inilah yang ingin dicapai oleh si pengarang bagi seluruh lapisan masyarakat agar boleh memahami isi dari Al-Qur'an.

⁹Mustafa Abdul Rahman, *Al-Quran Al-Hakim*, Penggal 1 (Perak: Syed Yamani), 07.